



Bank Pilihan Anda

PROGRAM RAIKAN GURU BERSAMA PROTON EON

PEMBIAYAAN KENDERAAN-i BANK RAKYAT

SOALAN-SOALAN LAZIM BANK RAKYAT

1) Siapakah penganjur program ini?

Program ini dianjurkan oleh Proton EON dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) adalah Rakan Kerjasama di dalam program ini.

2) Bilakah program ini berlangsung?

Program ini bermula dari 01 Mei 2024 sehingga 31 Julai 2024.

3) Siapakah yang layak menyertai program ini?

Program ini terbuka kepada semua pelanggan baharu dan sedia ada Bank Rakyat yang terdiri daripada warganegara Malaysia dari sektor Pendidikan dan memohon produk Pembiayaan Kenderaan-i Bank Rakyat yang telah diluluskan dan dilakukan pengeluaran sahaja sepanjang tempoh program berlangsung
KECUALI:

- i. Warga kerja Bank Rakyat; atau
- ii. Pelanggan Bank Rakyat yang mempunyai sebarang tunggakan, kemungkiran atau tindakan guaman atas mana-mana kemudahan pembiayaan sedia ada dengan Bank Rakyat.

4) Apakah konsep bagi program ini?

Program ini berkonsep langgan dan menang.

5) Bagaimanakah cara untuk menyertai program ini?

- i. Pelanggan perlu mohon Pembiayaan Kenderaan-i Bank Rakyat.
- ii. Kelayakan adalah berdasarkan:
 - a. Pembiayaan yang telah diluluskan dan pengeluaran dilakukan semasa tempoh program berlangsung.
 - b. Pembelian kenderaan jenama Proton di rangkaian Pengedar Kenderaan Edaran Otomobil Nasional Berhad (EON) yang disenaraikan di bawah:
 - I. Proton EON – Alor Setar
 - II. Proton EON – Jalan Makloom, Pulau Pinang
 - III. Proton EON – Kota Bharu
 - IV. Proton EON – Juru
 - V. Proton EON – Taiping
 - VI. Proton EON – Damansara
 - VII. Proton EON – Glenmarie
 - VIII. Proton EON – Banting
 - IX. Proton EON – Batu Pahat
 - X. Proton EON – Larkin



Your Bank of Choice

- iii. Penyertaan adalah secara AUTOMATIK apabila pelanggan membuat permohonan pembiayaan sepanjang tempoh program berlangsung.
- iv. **Satu (1)** permohonan pembiayaan dalam tempoh program layak mendapat satu (1) penyertaan sahaja.

6) Apakah hadiah yang ditawarkan melalui program ini?

Kategori	Hadiah	Jumlah Pemenang	Jumlah Hadiah
Pertama	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - RM10,000.00 x 1 pemenang x 5 wilayah	5	RM50,000.00
Kedua	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - RM2,000.00 x 1 pemenang x 5 wilayah	5	RM10,000.00
Ketiga	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - RM1,000.00 x 1 pemenang x 5 wilayah	5	RM5,000.00
Saguhati	Akaun Pelaburan-i Rizq Plus - RM100.00 x 2 pemenang x 5 wilayah	10	RM1,000.00
Jumlah			RM66,000.00

7) Bagaimanakah pemilihan pemenang dilakukan?

Undian secara rawak akan dijalankan dengan menggunakan sistem undian berkomputer selepas tamat tempoh program.

8) Bagaimakah pemenang program ini akan dimaklumkan?

Pemenang akan dimaklumkan selepas program tamat menerusi khidmat pesanan ringkas (SMS), pusat panggilan tele-Rakyat, laman web rasmi Bank Rakyat, laman media sosial rasmi Bank Rakyat atau e-mel.

9) Bagaimanakah hadiah akan diterima oleh pemenang?

Pemenang hendaklah membuka Akaun Pelaburan-i Rizq Plus di cawangan pilihan pemenang (jika masih belum mempunyai Akaun Pelaburan-i Rizq Plus).

10) Bolehkah hadiah dipindah milik atau dituntut oleh pihak ketiga?

Tidak boleh.

11) Adakah saya boleh memenangi lebih dari satu hadiah untuk program ini?

Tidak boleh.

12) Di manakah maklumat lanjut berkaitan program ini boleh didapati?

Maklumat lanjut berhubung program ini boleh didapati di:

- Laman sesawang Bank Rakyat
- Pusat Panggilan Bank Rakyat: 1 300 80 5454
- Laman media sosial Bank Rakyat (Facebook/Instagram/Twitter)



Bank Pilihan Anda

Soalan-soalan lazim program ini adalah tertakluk pada terma dan syarat program, terma dan syarat Pembiayaan Kenderaan-i serta terma lain yang ditetapkan oleh Bank Rakyat dari masa ke masa.